

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA



Laporan Program Galakan Membaca 2019 Perpustakaan Negara Malaysia

2019 © Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

E-ISSN 2710-639X 1. Reading Promotion—Malaysia.

2. Reading interest—Malaysia.

3. Book and reading—Malaysia.

I. Perpustakaan Negara Malaysia 028.909595



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2687 1700
FAKS: 03-2694 2490



ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH 2

**DASAR PROGRAM GALAKAN
MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA
MALAYSIA 3**

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 4**

- GENERASI ILMU UNTUK SEMUA 5-8
- JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019 9-17
- WORLD #QURAN HOUR 18-25
- FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF 26-30
- KEMBARA ILMU 31-36

**PROGRAM LITERASI MEDIA DAN
MAKLUMAT 37-53**

**PROGRAM PEMBUDAYAAN
TULISAN JAWI 54-62**

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 63-65**

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA PNM 66-67**

**STATISTIK PROGRAM GALAKAN
MEMBACA 2019 68-70**

PRAKATA KETUA PENGARAH



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia atas penerbitan Laporan Galakan Membaca 2019. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan sentiasa komited terhadap usaha menggalakkan serta melahirkan masyarakat Malaysia yang membaca dan celik ilmu pengetahuan. Hal ini selari dengan objektif Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

Program galakan membaca sama ada dari aspek penganjuran program atau promosi melalui media sosial dan medium media massa lain hendaklah dipergiatkan agar kesedaran kepentingan membaca dapat dipertingkatkan serta sampai kepada semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda. Program dan pengisian program juga hendaklah selari dengan perkembangan semasa dan minat masyarakat masa kini iaitu, lebih interaktif, kreatif dan inovatif seiring dengan peranan pustakawan dan perpustakaan sebagai pusat sehenti maklumat dalam era revolusi industri 4.0.

Penerbitan Laporan Galakan Membaca 2019 merupakan usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam mengumpulkan maklumat program galakan membaca sebagai rujukan semua pihak dalam menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan membaca.

Harapan saya agar laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam melaksanakan pelbagai program galakan membaca yang menarik dan berkesan di masa depan seterusnya dapat melahirkan masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

YBHG. DATO' NAFISAH BINTI AHMAD

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia



DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

‘Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu’

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu :

“menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca.”





PROGRAM GALAKAN MEMBACA

GENIUS

GENERASIKU: ILMU UNTUK SEMUA



PROGRAM BERSAMA GOLONGAN BERKEPERLUAN KHAS

'Setitik Ilmu, Sejuta Harapan'

Program Bersama Golongan Berkeperluan Khas ini dikenali sebagai Program GENIUS iaitu singkatan bagi "Generasiku: Ilmu Untuk Semua" dengan tema 'Setitik Ilmu, Sejuta Harapan' telah diadakan pada 23 Mac 2019 (Sabtu) bertempat di Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Objektif Program

- Menyantuni golongan berkeperluan khas melalui aktiviti pembacaan ke arah memupuk budaya membaca dan melahirkan masyarakat yang berilmu.
- Meningkatkan kemahiran literasi media dan maklumat golongan berkeperluan khas seiring dengan kemajuan teknologi serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.
- Meningkatkan kerjasama antara PNM dan pertubuhan bukan kerajaan yang bertanggungjawab membina budaya ilmu dalam kalangan golongan berkeperluan khas

Pengisian Aktiviti

- Genius LMM dan Hands on Perkhidmatan u-Pustaka
- Bengkel Mewarna
- Sesi Mari Membaca Bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)
- *Book Author Activity*
- Pameran Perkhidmatan u-Pustaka
- Sukaneka
- Persembahan Bicara Berirama "My School" oleh anak-anak Buku Jalanan Chow Kit
- Persembahan Buskers "Kisah antara kita" oleh Sekolah
- Bimbingan Jalinan Kasih, Chow Kit
- Bicara Berirama "Kehidupan kami di RISE" oleh anak-anak Pusat Bimbingan Alternatif Rohingya Intellectual Skill and Excellence (RISE)
- K-Pop Dance oleh anak-anak Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Yayasan Chow Kit.

Program Bersama Golongan Berkeperluan Khas ini dikenali sebagai Program GENIUS iaitu singkatan bagi "Generasiku: Ilmu Untuk Semua" dengan tema 'Setitik Ilmu, Sejuta Harapan'

Program ini merupakan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Yayasan Chowkit (YCK), Buku Jalanan Chowkit (BJCK), Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK), Chowkit, Rohingya Intellectual Skill of Excellence (RISE), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Guru Muda Malaysia Kuala Lumpur (GMMKL), Pustaka Jalanan. Seramai 332 orang peserta telah menyertai program ini.



Majlis Perasmian oleh YBrs. Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM



Persembahan Bicara Berirama Oleh Anak-anak Buku Jalanan Chow Kit



Persembahan Bicara Berirama Kehidupan Kami di RISE' Pusat Bimbingan Alternatif Rohingya Intelctual Skill and Excellence



Persembahan Bicara Berirama 'My School' oleh Anak-anak Buku Jalanan Chow Kit




Persembahan buskers "Kisah Antara Kita" oleh Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih



Persembahan K-Pop *Dance* oleh Anak-anak Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Yayasan Chow Kit



Bengkel Mewarna Bersama Encik Nor Azhar Ishak



Bengkel Mewarna Bersama Encik Nor Azhar Ishak



Membaca bersam Yayasan Sukarelawan Siswa



Stream Fun Learning Toy Library Bersama Sukarelawan UTMKL



Sukarelawan
Yayasan Sukarelawan Siswa



Sukaneka



JOM BACA

Bersama 10 Minit

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" Peringkat Kebangsaan 2019 telah diadakan pada 23 April 2019 di Dewan Perdana, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) Kuala Lumpur. Program ini diadakan serentak di seluruh negara sempena sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis bermula dengan sesi 'Bacaan Kegemaran Saya' oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, diikuti sesi Jom Baca Bersama 10 Minit, persembahan Bicara Berirama, Sekolah Menengah Kebangsaan Kiara Mas, Kuala Lumpur dan Persembahan Sajak oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

OBJEKTIF PROGRAM

- i. Menyemarakkan amalan membaca sebagai gaya hidup rakyat Malaysia;
- ii. Menggarapkan kolaborasi semua agensi dalam menyemai semangat cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia menerusi program galakan membaca; dan
- iii. Membentuk minat membaca dan berilmu pengetahuan tinggi dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Seramai 1,214 orang peserta telah turut serta menjayakan program ini. Penyertan terdiri daripada golongan pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta, pelajar sekolah menengah dan rendah, pelajar tabika dan penjawat awam.

PENGISIAN PROGRAM

Pelbagai aktiviti dan pameran telah diadakan sebagai pengisian program iaitu:

- Majlis Perasmian
- Jom Baca Bersama 10 Minit (*Let's Read Together*)
- Sesi Bacaan Kegemaran Saya
- Program Buku Dekat Padamu : 'Jom Ambil Bahan Bacaan' (MITI)
- Roda Ilmu
- Eksplorasi Buku-buku Augmented Reality
- Seronoknya Jawi
- e-Storytelling
- Tukar dan Baca
- Jari Jemari Kreatif (The Malaysian Board on Books for Young People)



GAMBAR SEKITAR JOM BACA BERSAMA 2019



Bacaan Kegemaran Saya oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Buku bertajuk 'Maestro A Surprising Story About Leading By Listening'



Ucapan aluan oleh Dato' Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)



Ucapan perasmian oleh YBhg. Datuk Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.



Gimik Perasmian



Persembahan Sajak oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin

GAMBAR SEKITAR JOM BACA BERSAMA 2019



Penerima hadiah dan sumbangan buku daripada
Perpustakaan Negara Malaysia



Penyampaian hadiah kepada pemenang NILAM Peringkat Kebangsaan



Penyampaian hadiah kepada peminjam aktif peringkat Perpustakaan Negara Malaysia

GAMBAR SEKITAR JOM BACA BERSAMA 2019

*Sesi Membaca
Bersama 10 Minit*



GAMBAR SEKITAR JOM BACA BERSAMA 2019



Persembahan Bicara Berirama oleh Pelajar SMK Kiara Mas, Kuala Lumpur

Persembahan *Flash Mob* daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam



Persembahan Boneka oleh Kumpulan Bayan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)



Lawatan ke reruai pameran dan aktiviti oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya diiringi oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

GAMBAR SEKITAR JOM BACA BERSAMA 2019





STATISTIK JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

STATISTIK PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019


BIL.	JABATAN/ INSTITUSI	2015	2016	2017	2018	2019
1	Perpustakaan Gunasama	-	4,671	11,800	5,767	33,480
2	Perpustakaan Desa	-	63,493	65,498	-	26,900
3	Perpustakaan Awam Negeri	2,542,639	4,180,789	5,208,065	5,279,026	5,717,214
4	Perpustakaan Negara Malaysia	1,500	1,123	1,115	1,900	1,419
5	Institut Pendidikan Tinggi Awam/Swasta	-	-	6,000	4,541	4,419
6	Jabatan Berkanun/Swasta	-	-	7,325	-	-
7.	Komuniti	-	-	-	-	800
8	Tadika/Pra Sekolah	-	-	-	-	391
9	Facebook	-	-	509,249	548,328	631,987
JUMLAH KESELURUHAN		2,544,139	4,250,076	5,809,052	5,839,562	6,416,610

Sumber: Statistik yang diterima oleh Bahagian Gerakan Literasi Maklumat



STATISTIK JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

STATISTIK PERBANDINGAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT MENGIKUT TAHUN





STATISTIK JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2019

STATISTIK PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI

BIL.	PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI	2015	2016	2017	2018	2019
1	Johor	468,921	633,017	1,500,061	1,100,090	808,310
2	Kedah	29,493	81,675	174,458	225,717	274,986
3	Kelantan	26,050	37,683	67,442	328,299	421,407
4	Kuala Lumpur	76,855	247,629	245,715	246,322	272,101
5	Melaka	158,649	173,857	200,528	200,600	237,877
6	Negeri Sembilan	242,201	243,675	243,761	243,808	258,780
7.	Pahang	218,725	301,265	326,493	356,032	375,172
8.	Perak	6,133	391,684	473,152	423,462	378,142
9	Perlis	8,153	48,067	42,121	50,408	48,908
10	Pulau Pinang	295,118	526,072	477,854	498,748	523,949
11	Sabah	1,020	101,126	156,808	99,476	231,676
12	Sarawak	140,436	242,874	154,344	246,235	399,747
13	Selangor	638,776	850,481	837,992	973,923	1,187,357
14	Terengganu	232,109	301,684	307,336	285,906	285,906
JUMLAH KESELURUHAN		2,542,639	4,180,789	5,208,065	5,279,026	5,704,318

Sumber: Laporan yang diterima daripada Perpustakaan Awam Negeri

WORLD #QuranHour

Program WORLD #QuranHour telah diadakan secara serentak di seluruh negara pada 30 Mei 2019 dengan kerjasama semua Perpustakaan Awam Negeri dan berkonsepkan membaca al-Quran, mendalami maksudnya dan bertadabbur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Chik Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Objektif program ialah seperti berikut:

- i. Menjadikan pembacaan al-Quran sebagai budaya kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam di seluruh negara;
- ii. Membentuk ikatan hati untuk memartabatkan al-Quran agar rakyat Malaysia dapat membaca al-Quran walau di mana sahaja dengan penuh penghayatan;
- iii. Menjadikan al-Quran sebagai panduan paling lengkap untuk kehidupan seharian dan sebagai tali untuk menyatukan ummah seluruh dunia; dan
- iv. Mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan amalan membaca al-Quran yang diperuntukkan dalam agama.

Pengisian Program

Pengisian program dibahagikan kepada 3 segmen. Segmen I diisi dengan 'Santapan Rohani' berkaitan topik budaya membaca dan al-Quran yang disampaikan oleh YBrs. Ustaz Dr. Farid Ravi Abdullah dan sesi Tadabbur al-Quran oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM. Kandungan taddabur al-Quran memfokuskan kepada Surah Al-Hujurat (Pembentukan Akhlak dan Adab) ayat 6-8 'Memastikan Kebenaran Khabar Berita'.

Segmen II pula diisi dengan Sesi Taddarus al-Quran (Satu Jam Bersama al-Quran : WORLD #QuranHour) yang dipimpin oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM. Klinik al-Fatihah dipimpin oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM dan Ceramah bertajuk "Ramadan Bazar Pahala" pula disampaikan oleh wakil daripada Ibnu Katsir. Persembahan Nasyid bagi program ini disampaikan oleh penceramah bebas, Akhil Hayy.

Bagi segmen III pula antara aktivitinya adalah Kuliah Ihya Ramadan Ustaz oleh Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia. Manakala bacaan ayat-ayat Suci al-Quran, Solat Maghrib, Isyak dan Solat Sunat Tarawih secara berjemaah dipimpin oleh Ustaz Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia. Seramai 290 orang telah menjayakan program World #QuranHour 2019. Peserta terdiri daripada kakitangan PNM, anak-anak dari pusat tahfiz dan rumah kebajikan anak yatim serta pengunjung PNM.

STATISTIK PENYERTAAN PROGRAM WORLD#QuranHour 2019

BIL.	PERPUSTAKAAN	JUMLAH PENYERTAAN
1	Perpustakaan Negara Malaysia	290
2	Perpustakaan Gunasama PNM	10,613
3	Johor	4,716
4	Kedah	58,277
5	Kelantan	28,442
6	Kuala Lumpur	550
7	Melaka	1,528
8	Negeri Sembilan	16,477
9	Pahang	40,887
10	Perak	18,879
11	Perlis	2,238
12	Pulau Pinang	25,437
13	Sabah	549
14	Sarawak	971
15	Selangor	39,512
16	Terengganu	91,840
JUMLAH KESELURUHAN		341206

Sumber: Statistik yang diterima oleh Bahagian Literasi Maklumat daripada Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Gunasama Perpustakaan Negera Malaysia (PNM) 2019

GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019



Perasmian oleh YB. Tuan Muhammad Bakhtiar Wan Cik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia



Penyampaian Sumbangan Kepada Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia




Sesi bergambar beramai-ramai

GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019



Santapan Rohani "Membumikan Al-Quran" oleh YBrs. Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah



Sesi Tadabbur al-Quran oleh Ustaz Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



Bacaan Doa dan Ayat-ayat Suci daripada Ustaz Wan Fakhru Razi Wan Mohamad, Pemenang Tempat Ke-3 Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 2019



GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019

Sesi Taddarus al-Quran (Satu Jam Bersama al-Quran : WORLD #QuranHour). Diketahui oleh Ahmad Rijal bin Ghazali, Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019



Klinik al-Fatihah dipimpin oleh Ustaz Muhd Redza bin Ahmad,
Pegawai Hal Ehwal Islam JAKIM



Ceramah bertajuk "Ramadan Bazar Pahala"
disampaikan oleh wakil daripada Ibnu Katsir



Kuliah Ihya Ramadan Ustaz oleh Nursyamsul Abd. Roni dari Masjid Negara Malaysia

GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019



Persembahan Nasyid bagi program ini disampaikan oleh penceramah bebas, Akhil Hayy



Solat maghrib dan isyak secara berjemaah



Majlis berbuka puasa

GAMBAR SEKITAR WORLD #QuranHour 2019



Penyampaian Sumbangan
Kepada Anak Yatim dan Pelajar Pusat Tahfiz



FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF TABIKA PERPADUAN DAERAH GOMBAK 2019

Program Fiesta Merdeka Pintar Kreatif telah diadakan pada 22 Ogos 2019 bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) Daerah Gombak dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan dirasmikan oleh Encik Abdul Rahman bin Sudin, Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat.

Pelaksanaan program bertujuan untuk mencungkil bakat kanak-kanak Tabika Perpaduan Gombak dalam beberapa pertandingan yang dianjurkan bersempena dengan sambutan bulan kebangsaan negara. Selain Program Fiesta Merdeka Pintar Kreatif, PNM turut mengadakan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) kepada peserta dari kalangan Kawasan Rukun Tetangga dan kakitangan JPNIN.

Objektif Program:

- I. Meneruskan kesinambungan jalinan kerjasama strategik antara Jabatan Perpaduan dan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melalui pelaksanaan program galakan membaca bagi Tabika Perpaduan dan KRT; dan
- II. Meningkatkan kesedaran dan minat membaca dalam kalangan kanak-kanak bagi memupuk budaya membaca.

Pengisian Program:

1. Pertandingan:
 - i. Pertandingan Membaca Surat Khabar bahasa Melayu
 - ii. Pertandingan Membaca Buku Cerita bahasa Inggeris
 - iii. Pertandingan Teater Muzikal
 - iv. Pertandingan Deklamasi Sajak
 - v. Pertandingan Bercerita
2. Jualan Buku Kanak-kanak dan didik hiburan
3. Reruai inovasi yang mempamerkan hasil kreativiti dan inovasi kanak-kanak Tabika Perpaduan Daerah Gombak
4. Aktiviti Syoknya Jawi iaitu, puzzle jawi dan teka silang kata jawi
5. Demonstrasi Buku AR yang memberi pendedahan kepada para ibu-bapa dan kanak-kanak mengenai teknologi buku-buku AR yang ada di pasaran seiring dengan kemajuan IR 4.0.

Seramai 507 orang telah menghadiri majlis ini. Jemputan program ini adalah seperti Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia, pengurusan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Selangor, pengurusan Jabatan Perpaduan Daerah Gombak, Guru-guru Tabika Perpaduan Daerah Gombak, anak-anak Tabika Perpaduan Daerah Gombak dan ibu-bapa.

GAMBAR SEKITAR FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF



Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh
Encik Abdul Rahman bin Sudin,
Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat



GAMBAR SEKITAR FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF

Pertandingan Membaca



Pertandingan Bakat Kanak-kanak (Teater Muzikal)



GAMBAR SEKITAR FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF

Pameran Inovasi oleh Kanak-kanak



Penyampaian sijil dan hadiah kepada pemenang dan peserta



GAMBAR SEKITAR FIESTA MERDEKA PINTAR KREATIF



Taklimat Literasi Media dan Maklumat secara *hands-on* kepada kakitangan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN)



Demonstrasi buku *Augmented Reality* oleh Bahagian Sumber Eletronik, PNM

Kraf Topeng Merdeka bersama Tadika St. Ronan



Aktiviti Syoknya Jawi dan Mewarna

KEMBARA

ILMU 2019



'Merupakan program keilmuan yang diadakan bertujuan untuk mempromosi budaya membaca walau di mana jua berada dan memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar Kuala Lumpur'

Program Kembara Ilmu 2019 telah dilaksanakan pada 29 September 2019 di empat lokasi terpilih iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Negara, KL City Gallery dan Balai Seni Negara. Ia merupakan program keilmuan yang diadakan bertujuan untuk mempromosi budaya membaca walau di mana jua berada dan memperkenalkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar Kuala Lumpur.

Program ini juga merupakan salah satu pengisian program yang dirancang bawah Dekad Membaca Kebangsaan dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Muzium Negara, Balai Seni Negara dan KL City Gallery. Seramai 140 orang peserta telah menyertai program ini yang merupakan gabungan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Sekolah Berasrama Penuh.

KEMBARA

ILMU 2019

DESTINASI KEMBARA ILMU



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



MUZIUM NEGARA MALAYSIA



KUALA LUMPUR CITY GALLERY



BALAI SENI LUKIS NEGARA

PESERTA PROGRAM

Program Kembara Ilmu 2019 telah disertai seramai 140 orang pelajar institut pengajian tinggi dan juga pelajar sekolah berasrama penuh

- i. Universiti Pertahanan Awam Nasional (UPNM)
- ii. Universiti Malaya (UM)
- iii. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi
- iv. Kolej Komuniti Kuala Langat
- v. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SPBI) Gombak
- vi. Sekolah Menengah Sains Alam Shah
- vii. Sekolah Sains Seri Puteri



GAMBAR SEKITAR PROGRAM KEMBARA ILMU



Taklimat program dan tugas kepada semua peserta



Peserta daripada Kolej Komuniti Kuala Langat



Peserta daripada Universiti Malaya



Peserta daripada Universiti Pertahanan Nasional



Peserta daripada IPG Kampus Pendidikan Islam



Peserta daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Gombak



Peserta daripada Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi, Gombak



Peserta daripada SM Sains Alam Shah



Peserta daripada SM Sains Seri Puteri



Peserta daripada SM Sains Alam Shah

GAMBAR SEKITAR PROGRAM KEMBARA ILMU

Destinasi 1: Muzium



Destinasi 2: Kuala Lumpur City Gallery



GAMBAR SEKITAR PROGRAM KEMBARA ILMU

Destinasi 3: Balai Seni Lukis Negara



Destinasi 4: Perpustakaan Negara Malaysia



GAMBAR SEKITAR PROGRAM KEMBARA ILMU

Penyerahan Hasil Tugas Kepada Abang Tanjak





LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

SAMBUTAN HARI LITERASI SEDUNIA 2019 PERINGKAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)

Hari Literasi Sedunia disambut pada 8 September setiap tahun dengan mengangkat tema 'Literasi dan Kepelbagaian Bahasa', Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 telah diadakan bagi meraikan perkembangan literasi rakyat Malaysia. Program ini juga merupakan salah satu pengisian program yang dirancang bawah Dekad Membaca Kebangsaan dan Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020. Sempena hari tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengadakan Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 Peringkat PNM yang telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail, Ketua Pengarah PNM pada 26 Oktober 2019 di PNM. Turut hadir dalam Majlis Perasmian adalah YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Presiden Persatuan Braille Malaysia. Dalam Majlis Perasmian yang diadakan di Auditorium PNM dan dihadiri lebih seramai 368 orang, YBrs. Puan Maizan binti Ismail turut menyumbangkan bahan bacaan kepada 6 Institusi iaitu

- Sekolah Kebangsaan Sungai Pusu, Gombak (Komuniti Orang Asli)
- Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia
- Genius Kurnia (Anak-anak Autisme)
- Darul Hidayah (Komuniti Muallaf)
- Persatuan Ibu Tunggal Belaian Kasih
- Rumah Kebajikan dan Anak Yatim Darul Najjah

Aktiviti yang diadakan dalam sambutan Hari Literasi Sedunia 2019 ini termasuklah Diskusi "Celik Huruf, Kenal Dunia", Pameran dan Jualan Buku, Demo Baca Pantas, Syoknya Jawi, Pameran Literasi Media dan Maklumat, Bersama Doktor Buku serta Ceramah "Celik Digital".



GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN HARI LITERASI SEDUNIA



Penyampaian Sumbangan Bahan Bacaan
oleh YBrs. Puan Maizan binti Ismail



Persembahan Lagu Membaca Gaya
Wawasan oleh Guru Muda Malaysia Kuala
Lumpur (GMMKL)



Aktiviti Gali Kata Jawi



Celik Bahasa Kebangsaan Bersama
Dewan Bahasa dan Pustaka



Promosi Perkhidmatan U-Pustaka

GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN HARI LITERASI SEDUNIA



iPad Showcase oleh Sekolah Berasrama Penuh Integrasi, Gombak



Sesi Membaca Bersama Anak-anak Tabika KEMAS Dengan Bimbingan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)



Mewarna Bersama Anak-anak Tabika KEMAS Dengan Bimbingan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)



Pameran buku sastera kanak-kanak, sesi membaca dan bercerita Bersama The Malaysian Board on Books for Young People (MBBY)





GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN HARI LITERASI SEDUNIA



Pameran Buku Tactile oleh KL Braille Resources



Demonstrasi Baik Pulih Buku Bersama Dr. Buku



Jualan Buku



Demostrasi Baca Pantas @ Speed Reading oleh Perpustakaan USIM





GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN HARI LITERASI SEDUNIA



Sesi Literasi Media dan Maklumat



Ceramah Celik Digital oleh Encik Ridzwan Ahmad, Eksekutif Komunikasi Korporat Cyber Security Malaysia.



SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
1.	12 Januari 2019 (Sabtu)	Belia Taklimat Literasi Maklumat kepada pelajar lepasan sekolah sempena Karnival lepasan sekolah	1 jam	Bilik Serbaguna, Aras 1, PNM	Norhamiza bt. Mohd Hanopiah	97
2.	30 Januari 2019 (Rabu)	Kakitangan Swasta Bengkel LMM kepada staf Bank Rakyat	4 jam	Serambi Ilmu, Bank Rakyat, Kuala Lumpur	Yazid bin Ibrahim	12
3.	18 Februari 2018 (Isnin)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Penyelia Perpustakaan KEMAS sekitar negeri Pahang	1 hari	Kolej Komuniti Kuantan, Pahang	Zuliana bt. Ab. Rashid	25
4.	20 Februari 2018 (Rabu)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Penyelia Perpustakaan KEMAS sekitar negeri Kelantan	1 hari	Pusat Internet 1 Malaysia Kg. Kadok Dalam, Kota Bahru, Kelantan	Adam Zulkarnain bin Saleng	20

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
5.	21 Februari 2018 (Khamis)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Penyelia Perpustakaan KEMAS sekitar negeri Terengganu	1 hari	Pusat Internet 1 Malaysia Kg Telaga Daing Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu	Adam Zulkarnain bin Saleng	20
6.	2 Mac 2019 (Sabtu)	Pelajar IPT Sesi LMM kepada pengunjung sempena program Singgah Santai @ PNM bil 1/2019	4 jam	Pusat Hipermedia Dewasa, Aras 4, PNM	Mohd Ikhmil Firdausz bin Mohd Hanif	35
7	5 Mac 2019 (Selasa)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Penyelia Perpustakaan KEMAS sekitar negeri Sabah	1 hari	Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi, Kota Kinabalu, Sabah	Adam Zulkarnain bin Saleng	30
8.	11 Mac 2019 (Isnin)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Penyelia Perpustakaan KEMAS sekitar negeri Sarawak	1 hari	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sarawak,	Sofia bt. Osman	20

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
9	18 Mac 2019 (Isnin)	Golongan Khas Bengkel LMM kepada klien dan kakitangan PUSPEN	1 hari	Makmal Komputer, Aras 5, PNM	Junaidah bt. Rosliy Lai Sow Woon	26
10.	18 Mac 2019 (Isnin)	Pelajar Sekolah Menengah Sesi LMM kepada pelajar tingkatan 3 sempena Majlis Perasmian Perpustakaan Desa (PD) Lebu, Bentong, Pahang	2 jam	Perpustakaan Desa (PD) Lebu, Bentong, Pahang	Noorzaimah bt. Razali	25
11.	23 Mac 2019 (Isnin)	Golongan Khas Bengkel GENIUS LMM - Program Bersama Golongan Berkeperluan Khas. Peserta terdiri dari: i) Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Chow Kit ii) Buku Jalanan, Chow Kit iii) Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Chow Kit iv) Rohingya Integrated School of Excellence (RISE)	1 hari	Pusat Hipermedia Dewasa, Perpustakaan Negara Malaysia	Wan Mohd Saiful Mohd Ghazali Rosnita Abdul Ghani	40

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
12	2 April 2019 (Selasa)	Kakitangan Kerajaan Bengkel LMM kepada Staf BTPN Perak sempena lawatan ke PNM	4 jam	Bilik Serbaguna, Aras 1, PNM	Norhasliza Mohd Razali Siti Shafarah Samsuddin	80
13.	2 April 2019 (Selasa)	Pelajar Sekolah Rendah Bengkel LMM kepada pelajar SK Presint 9 (2), Putrajaya sempena lawatan ke PNM	2 jam	Teater Kanak-Kanak PNM	Norhamiza Mohamad Hanopiah Nur Aishah Che Raimi	88
14	4 April 2019 (Khamis)	Pelajar Sekolah Menengah Bengkel LMM kepada pelajar SMK Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor sempena lawatan ke PNM	4 jam	Bilik Serbaguna, Aras 1, PNM	Zuliana Ab. Rashid Mohd Azrul Abdul Karim	80
15.	9 April 2019 (Selasa)	Pelajar Sekolah Menengah Bengkel LMM kepada pelajar tingkatan 3 dan 5 sempena program "Library Attack" SMK Keramat Wangsa, Kuala Lumpur	4 jam	Bilik Media, SMK Keramat Wangsa, Kuala Lumpur	Dayang Norainie Awang Junidee Hishamudin Ramli	20

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
16	13 April 2019 (Sabtu)	Pelajar Sekolah Rendah & Menengah Seminar Pencarian Maklumat kepada pelajar orang asli	4 jam	Muzium Orang Asli, Gombak, Selangor	Yazid Ibrahim	15
17.	29 Mei 2019 (Rabu)	Kakitangan kerajaan Bengkel LMM kepada staf Hospital Kuala Lumpur	1 hari	Hospital Kuala Lumpur	Yazid Ibrahim	30
18	24 Jun 2019 (Isnin)	Pelajar kolej Bengkel LMM kepada pelajar kemahiran SST Academy & Consultancy Sdn. Bhd	4 jam	Pusat Hipermedia, Aras 4, PNM	Wan Mohd Saiful Mohd Ghazali Mohd Redzuan Ramli	80
19	6 Julai 2019 (Sabtu)	Pelajar kolej Taklimat LMM kepada pelajar kemahiran SST Academy & Consultancy Sdn. Bhd dan pelajar Kolej Vokasional Banting sempena program Singgah Santai@PNM	2 jam	Pusat Hipermedia, Aras 4, PNM	Zuliana Ab. Rashid Mohd Redzuan Ramli	42

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
20	17 Julai 2019 (Rabu)	Pelajar kolej Taklimat LMM kepada pelajar Kolej Vokasional Shah Alam sempena minggu pusat sumber sekolah.	2 jam	Dewan Sekolah KV Shah Alam	Adam Zulkarnain Saleng Siti Shafarah Shamsuddin	597
21.	23 Julai 2019 (Selasa)	Pelajar Sekolah Menengah & Kolej Vokasional Taklimat LMM kepada pelajar sekolah menengah dan kolej vokasional sempena program Minggu Digital @ PNM 2019	3 jam	Auditorium, Aras 2, PNM	Zuliana Ab. Rashid	395
22	24 Julai 2019 (Rabu)	Pelajar Sekolah Menengah Taklimat LMM kepada pelajar sekolah menengah sempena program Minggu Digital @ PNM 2019	3 jam	Auditorium, Aras 2, PNM	Junaidah Rosliy	50

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
23	25 Julai 2019 (Khamis)	Penuntut IPG, Pelajar Politeknik & Staf Perpustakaan Gunasama Taklimat LMM kepada penuntut IPG, pelajar politeknik & staf perpustakaan gunasama sempena program Minggu Digital @ PNM 2019	3 jam	Auditorium, Aras 2, PNM	Norhamiza Mohd Hanopiah	260
24	25-28 Julai 2019	Orang Awam Promosi LMM sempena Putrajaya International Islamic Art & Culture Festival	4 hari	Dewan Perbadanan Putrajaya	BGLM	200
25	1 Ogos 2019 (Khamis)	Kakitangan kerajaan Bengkel LMM dan Perkhidmatan Perpustakaan Digital kepada kakitangan Institut Kesihatan Negara (IKN), Setia Alam, Selangor	1 hari	Institut Kesihatan Negara, Setia Alam	Mohd Ikhmil Firdausz Mohd Hanif Rosnita Abdul Ghani	32

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
26	19 Ogos 2019 (Isnin)	Kakitangan kerajaan Bengkel LMM dan Perkhidmatan Perpustakaan Digital kepada staf Akademi Bomba dan Penyelamat Marang, Terengganu	1 hari	Akademi Bomba dan Penyelamat Marang, Terengganu	Anis Saad Azfaradilla Zainal Abidin Siti Shafarah Samsudin	37
27	22 Ogos 2019 (Khamis)	Kakitangan kerajaan Bengkel LMM kepada guru, pembantu masyarakat dan penyelia Jabatan Perpaduan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bersempena dengan Festival Merdeka Pintar Kreatif Tabika Perpaduan Daerah Gombak 2019	4 jam	Pusat Hipermedia Dewasa, Aras 4, PNM	Zuliana Ab. Rashid Mohd Redzuan Ramli	36
28	18 – 19 September 2019 (Rabu – Khamis)	Guru Perpustakaan Media /Pengawas PSS/Kakitangan PAN Perlis/PD Bengkel LMM kepada guru perpustakaan media dan pengawas PSS dan kakitangan PAN Perlis serta petugas PD	2 hari	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	Adam Zulkarnain Saleng Sofia Osman	169

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
29	22 September 2019 (Ahad)	Pelajar/Kakitangan/P ensyarah Bengkel LMM kepada pelajar, kakitangan dan pensyarah Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	1 hari	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	Yazid Ibrahim	250
30	26 September 2019 (Khamis)	Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Taklimat LMM kepada pelajar sekolah menengah Sempena Program Sambutan Hari Literasi Sedunia 2019	1 jam	Pusat Hipermedia Dewasa, Aras 4, PNM	Junaidah Rosliy	38
31	28 September 2019 (Sabtu)	Pelajar IPT/Kolej/Sekolah Menengah Taklimat LMM kepada penuntut IPT/IPG/Kolej/Sekola h Menengah Sempena Program Kembara Ilmu 2019	1 jam	Bilik Serbaguna PNM	Zaiton Hassan	129
32	8 Oktober 2019 (Selasa)	Pelajar/Kakitangan Bengkel LMM kepada pelajar dan kakitangan German- Malaysia Institute	3 jam	German- Malaysia Institute, Bangi, Selangor	Wan Mohd Saiful MOhd Ghazali	101

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
33	18 Oktober 2019 (Jumaat)	Pelajar Sekolah Rendah Bengkel LMM kepada pelajar SK Batu Bertangkup, Perlis sempena lawatan ke PNM	3 jam	Bilik Serbaguna PNM	Anis Mat Saad	48
34	22 Oktober 2019 (Selasa)	Guru dan Pensyarah MARA Bengkel LMM kepada guru dan pensyarah MARA sekitar Kedah dan Utara Perak	1 hari	Kolej MARA, Kulim, Kedah	Zaiton Hassan	110
35	2 November 2019 (Sabtu)	Pelajar Sekolah Menengah dan Politeknik Sesi LMM kepada pelajar sekolah menengah dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sempena Program Singgah Santai@PNM Bil. 3/2019	1 jam	Bilik Syarahan PNM	Zaiton Hassan	93

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2019

BIL	TARIKH	KUMPULAN SASARAN	MASA/HARI	PENGANJUR/ TEMPAT	PENCERAMAH/ FASILITATOR	BIL. PESERTA
36	13-14 November 2019 (Rabu)	Pelajar Kolej Sesi LMM kepada pelajar Kolej Vokasional Kajang	2 jam	Kolej Vokasional Kajang, Selangor	Norhamiza Mohamad Hanopiah & Dayang Norainie Awang Junidee	180
JUMLAH PESERTA						3,516

Nota Rujukan:

Program TOT

Taklimat/Ceramah/ - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh kurang dari 3 jam

Bengkel/Kursus/Kem - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh 4 jam sehingga 3 hari (maksimum)

STATISTIK RINGKAS LMM 2019

KATEGORI	SASARAN		PENCAPAIAN	
	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
LMM UMUM	45	2000	28	3,175
LMM TOT	5	550	8	341
JUMLAH :	50	2,550	36	3,516



PROGRAM SEMARAK JAWI



Karnival Semarak Jawi merupakan program utama/teras Pembudayaan Tulisan Jawi PNM semenjak tahun 2011 apabila buat pertama kali Karnival Semarak Jawi@PNM diadakan pada 5 Disember 2011 hingga 8 Disember 2011 bersempena Persidangan Kebangsaan Tulisan Jawi Kali Kedua anjuran PNM dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Karnival Semarak Jawi ke- 2 telah diadakan di Pusat Dagangan Terengganu denga kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam (PPA) Terengganu pada 18 hingga 20 Oktober 2012. Karnival kali ke-3 diadakan di Kompleks Kementerian Dalam Negeri Bandar Muadzam Shah, Kedah denga kerjasama PPA Kedah pada 16 hingga 18 Oktober 2014. Karnival kali ke- 4 diadakan di Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan pada 24 hingga 25 Februari 2015. Karnival kali ke- 5 diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Perak pada 14-15 November 2016 dan karnival kali ke- 6 di Kompleks Penghulu Mukim Sungai Balang, Muar, Johor pada 19- 20 Oktober 2018.

Program ini diteruskan untuk kali ke-7 di peringkat negeri Sarawak berkonsepkan didik hibur dan berbentuk interaktif merangkumi pertandingan berasaskan tulisan Jawi, kuiz, aktiviti berkumpulan, pameran di samping gerai-gerai jualan bagi tarikan para pengunjung.

OBJEKTIF

- Mendekatkan masyarakat umum kepada budaya penulisan dan pembacaan tulisan Jawi
- Mendedahkan masyarakat umum dengan inovasi pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi yang mudah;
- Menarik minat masyarakat kepada seni dan budaya Jawi yang berunsurkan khat dan seni kaligrafi; dan
- Memartabatkan tulisan Jawi sebagai khazanah warisan bangsa yang perlu dipelihara dan dipertahankan.

PELAKSANAAN KARNIVAL

Karnival Semarak Jawi 2019 dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia bersama Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Karnival ini turut mendapat sokongan dari Sarawak Islamic Information Centre (SIIC), Rumah Ngaji dan Lembaga Tabung Haji. Karnival ini telah diadakan pada 16 November 2019 hingga 17 November 2019 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak, Kuching. Karnival bermula pukul 9.30 pagi sehingga pukul 4.00 petang.

Karnival Semarak Jawi pada tahun 2019 berkonsepkan didik hibur seperti pertandingan, bual bicara, kuiz, aktiviti di reruai dan permainan santai berunsurkan pendidikan. Turut diadakan juga pameran inovasi Jawi, jualan buku, promosi perkhidmatan oleh agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta gerai-gerai jualan.

Majlis perasmian telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak.

Seramai 4,036 orang telah berkunjung ke Karnival Semarak Jawi 2019. Para pengunjung terdiri daripada masyarakat setempat, pelajar pusat pengajian tinggi, pelajar sekolah, penjawat awam dan swasta serta penggiat jawi dan khat.



Pengisian Program

16 November 2019

Auditorium

- Majlis Perasmian Karnival Semarak Jawi 2019

Acara Pentas

- Kuiz Jawi
- Bicara Jawi: Cinta Jawi: Masihkah Ada Sinarnya bersama Prof Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Pakar Jawi UPM dan encik A. Wahab Hamzah, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sarawak

Reruai Jawi

- Reruai 1-Padanan Huruf Jawi
- Reruai 2-Menyusun Huruf Jawi
- Reruai 3-Membedakan Huruf Jawi
- Reruai 4-Bina Perkataan Jawi
- Reruai 5-Baca Jawi
- Reruai 6-Warna Jawi Kreatif
- Reruai 7-Kraf Kreatif Jawi
- Reruai 8-Pameran khat & Jawi Klasik

Pertandingan

- Pertandingan Pantas Jawi
- Pertandingan Khat Jawi

Bengkel Klinik Jawi dan Khat

Pameran dan Gerai Jualan

- *Doodle Wall of Jawi*
- *Robotic*
- Pameran inovasi Jawi dan Khat & agensi kerajaan dan swasta
- Jualan kraf tangan dan buku pembelajaran Jawi
- Pemeriksaan Kesihatan
- Kendera saji

17 November 2020

Acara Pentas

- Jom Dengar Cerita
- Persembahan Kebudayaan
- Mudahnya Jawi
- Kuiz Jawi
- Makan Tengah Hari, Solat dan Rehat
- Perkongsian Inovasi Jawi
- Perkongsian Pempamer

Reruai Jawi

- Reruai 1-Padanan Huruf Jawi
- Reruai 2-Menyusun Huruf Jawi
- Reruai 3-Membedakan Huruf Jawi
- Reruai 4-Bina Perkataan Jawi
- Reruai 5-Baca Jawi
- Reruai 6-Warna Jawi Kreatif
- Reruai 8-Kraf Kreatif Jawi
- Reruai 9-Pameran Khat & Jawi Klasik

Pertandingan

- Pertandingan Mewarna Jawi
- Pertandingan Jejak Maklumat Jawi

Bengkel Klinik Jawi dan Khat

Pameran dan Gerai Jualan

- Doodle Wall of Jawi
- Robotic
- Pameran inovasi Jawi dan Khat & agensi kerajaan dan swasta
- Jualan kraf tangan dan buku pembelajaran Jawi
- Pemeriksaan Kesihatan
- Kendera saji



GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019



Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak.





GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019



Lawatan ke Tapak Karnival Semarak Jawi 2019



Gerai Ariel

Gerai Awjad

Gerai Ct Manja



GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019



Gerai Dewan
Bahasa dan Pustaka



Gerai *Dessert Bear*



Gerai Khatr



Gerai Perbadanan Tabung
Pendidikan Tinggi Nasional



Gerai *Team Robotic*



Gerai Rumah Ngaji



Gerai Shah Kaligrafi



Gerai Sarawak Islamic
Information Centre (SIIC)



Gerai Sh. Azizah



Gerai Terbitan Pustaka



Gerai u-Pustaka



Gerai Inovasi Jawi



Gerai Inovasi Jawi



GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019



Bicara Jawi: Masihkah Ada Sinarnya oleh Prof Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz, Pakar Jawi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Encik A. Wahab Hamzah, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak



Kuiz jawi



Baca jawi



Membezakan huruf jawi



Bengkel Tulisan Khat



Klinik Jawi



GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019



Pertandingan Khat



Pertandingan Pantas Jawi



Pertandingan Mewarna






GAMBAR SEKITAR KARNIVAL SEMARAK JAWI 2019




Jom Dengar Cerita Jawi



Doodle Wall of Jawi



Menyusun Huruf Jawi





**PROGRAM GALAKAN
MEMBACA
PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI**



PERPUSTAM



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN**



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
PULAU PINANG**



**PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
SABAH STATE LIBRARY**



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
TERENGGANU**



STATISTIK PROGRAM PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 2019

BIL	NEGERI	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN KHALAYAK
1	Johor	204	846,762
2	Kedah	3,053	225,913
3	Kelantan	1,186	35,598
4	Melaka	1,923	90,820
5	Negeri sembilan	437	241,922
6	Pahang	3,325	521,624
7	Perak	2,827	170,168
8	Perlis	79	115,338
9	Pulau pinang	5,826	1,096,846
10	Sabah	2,270	427,894
11	*Sarawak	2,194	129,286
12	Selangor	17,307	2,288,024
13	Terengganu	2,416	563,319
14	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	19	11,670
13	Wilayah Persekutuan Labuan	10	1,339
14	Wilayah Persekutuan Labuan	27	1,717
JUMLAH		43,103	6,768,240

Sumber:

Perangkaan Perpustakaan Awam Negeri 2019, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan.

*Statistik yang diterima oleh Bahagian Gerakan Literasi Maklumat daripada Pustaka Negeri Sarawak.



**PROGRAM GALAKAN
MEMBACA
PERPUSTAKAAN
DESA PNM**

**STATISTIK PROGRAM PERPUSTAKAAN DESA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM) MENGIKUT NEGERI 2019**

BIL	NEGERI	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN KHALAYAK
1	Johor	2,122	51,864
2	Kedah	6,454	149,206
3	Kelantan	3,522	66,990
4	Melaka	4,622	94,720
5	Negeri sembilan	4,572	99,658
6	Pahang	2,419	88,743
7	Perak	3,158	93,437
8	Perlis	2,916	48,675
9	Pulau pinang	3,014	87,805
10	Sabah	4,424	108,038
11	Sarawak	2,386	90,048
12	Selangor	1,564	38,225
13	Terengganu	5,218	296,921
14	Wilayah Persekutuan Labuan	124	5,111
JUMLAH		46,515	1,319,442

Sumber: Bahagian Penyelidikan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia





STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2019

**BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI GALAKAN MEMBACA DAN PENYERTAAN
KHALAYAK SELURUH PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2019**

PERPUSTAKAAN	BILANGAN PERPUSTAKAAN	PROGRAM/ AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	1	156	223,381
2. Komuniti	5	30	564
3. Perpustakaan Awam Negeri (PAN)	927	41,054	6,657,125
4. Perpustakaan Desa	1,094	69,199	1,946,740
I). Perpustakaan Desa PNM	507	46,515	1,319,442
II). Perpustakaan Desa PAN	587	22,684	627,298
5. Perpustakaan Khusus Gunasama	549	2,476	560,448
A) Akademik	149	1,083	231,101
B) Institut Keselamatan	56	68	9,495
c) Institut latihan dan Keselamatan	124	489	82,213
D) Kementerian/ Jabatan	119	582	201,427
E) Mahkamah/ Perundangan	42	80	7,843
F) Perubatan dan Kesihatan	59	174	28,369
6. Badan Berkanun/ Agensi Swasta/ Sekolah Swasta	551	432	52,072
I) Badan Berkanun	77	264	14,035
II) Agensi Swasta	43	4	210
III) Sekolah Swasta	431	164	37,827
7. Perpustakaan Akademik	457	1,513	1,419,847
I) Universiti Awam	20	991	1,337,387
II) Universiti Swasta	61	122	47,081
III) Kolej/ IPTS	376	400	35,379
JUMLAH	3,584	114,860	10,860,177

Sumber: Perangkaan 2019, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan

**STATISTIK PERBANDINGAN PROGRAM/AKTIVITI DARI TAHUN
2009 HINGGA 2019**

TAHUN	PROGRAM/AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
2009	8,798	1,700,000
2010	11,700	703,091
2011	25,962	2,485,925
2012	49,570	3,214,066
2013	59,040	3,495,317
2014	63,662	3,839,794
2015	81,792	4,494,386
2016	85,436	7,240,926
2017	98,254	10,058,821
2018	96,223	10,186,436
2019	114,860	10,860,177
JUMLAH	695,297	58,278,939



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2687 1700
FAKS: 03-2694 2490



www.pnm.gov.my



[PerpustakaanNegaraMalaysia](https://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



[PNM_Rasmi](https://twitter.com/PNM_Rasmi)



[pnm_rasmi](https://www.instagram.com/pnm_rasmi)



[pnmytube](https://www.youtube.com/channel/UCpnmRasmi)



[PNMrasmi](https://www.telegram.com/channel/PNMrasmi)



[pnmsaluransosial2](#)